MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

The Observer
Buletin Rasmi MSWG

JUMAAT | 30 OKTOBER 2026



MENCARI JALINAN YANG TEPAT

Kertas rundingan terbaharu oleh Bursa Saham Hong Kong membuka ruang untuk kita menilai semula pendekatan kawal selia terhadap urus niaga pihak berkaitan. Mampukah Malaysia mencapai keseimbangan yang lebih baik antara melindungi pemegang saham minoriti dengan memberikan ruang kepada syarikat untuk menjalankan perniagaan dengan cekap?

HONG KONG UBAH PENDEKATAN: WAJARKAH MALAYSIA MENILAI SEMULA KAWAL SELIA UNTUK URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN?

Urus niaga pihak berkaitan (RPT) sudah sekian lama menjadi isu yang mencetuskan perdebatan dalam tadbir urus korporat. Urus niaga sedemikian tidak semestinya tidak wajar atau sentiasa merugikan pemegang saham. Malah, banyak daripadanya merupakan urusan komersial yang sah dan membantu syarikat beroperasi dengan lebih cekap.

Masalah timbul apabila kepentingan syarikat tidak semestinya seiring dengan kepentingan pemegang saham pengawal, pengarah atau pihak berkaitan yang lain.

Di sinilah RPT menjadi isu yang amat sensitif. Sesuatu urus niaga mungkin memenuhi semua keperluan kawal selia, namun masih menimbulkan persoalan dalam kalangan pemegang saham minoriti tentang sama ada urus niaga tersebut benar-benar dibuat demi kepentingan terbaik syarikat.



Dalam edisi The Observer bertarikh 4 September 2026, kami mengetengahkan bagaimana beberapa RPT yang masing-masing berada di bawah ambang yang ditetapkan, secara kumulatif mampu mewujudkan pendedahan kewangan yang ketara tanpa memerlukan kelulusan pemegang saham. Artikel tersebut membangkitkan satu persoalan yang sukar dijawab: sekiranya sesuatu urus niaga mematuhi peraturan tetapi masih menimbulkan kebimbangan tadbir urus yang berasas, adakah peraturan itu sendiri benar-benar berkesan?

Mungkin sudah tiba masanya untuk kita meneliti semula persoalan ini. Kertas rundingan terbaharu yang diterbitkan oleh Hong Kong Exchanges and Clearing Limited (HKEX) memberikan alasan yang tepat pada masanya untuk berbuat demikian.

Apabila Pematuhan Tidak Menggambarkan Kisah Keseluruhan

Artikel MSWG sebelum ini meneliti beberapa urus niaga yang melibatkan syarikat tersenarai di Malaysia, termasuk Ekovest Berhad, Berjaya Corporation Berhad dan Genting Malaysia Berhad.

Dalam kes Ekovest, syarikat itu melupuskan beberapa bidang tanah kepada pihak berkaitan menerusi dua urus niaga pada tahun 2024, dengan jumlah balasan bernilai kira-kira RM76.62 juta. Disebabkan urus niaga tersebut berada di bawah ambang materialiti yang ditetapkan, ia tidak memerlukan penilaian bebas mahupun kelulusan pemegang saham.

Berjaya Corporation dan anak syarikatnya, Berjaya Property, turut melaksanakan satu siri pelupusan saham kepada pihak berkaitan pada tahun 2026. Urus niaga yang bernilai kira-kira RM119 juta itu dilaksanakan tanpa memerlukan kelulusan pemegang saham.

Contoh yang mungkin lebih ketara ialah pelaburan Genting Malaysia dalam Empire Resorts di Amerika Syarikat. Urus niaga yang bermula sebagai pelaburan pada tahun 2019 yang melibatkan pihak berkaitan telah berkembang menjadi beberapa siri pengambilalihan dan komitmen kewangan sepanjang beberapa tahun. Menjelang Jun 2025, jumlah terkumpul pelaburan Genting Malaysia dalam Empire telah mencecah kira-kira AS$766 juta.

Namun begitu, setiap urus niaga tersebut secara individu tidak mencapai ambang RPT yang berkenaan sehingga mencetuskan keperluan mendapatkan kelulusan pemegang saham. Contoh-contoh ini dengan sendirinya tidak membuktikan berlakunya salah laku atau pelanggaran peraturan. Malah, itulah sebenarnya inti pati artikel kami yang terdahulu.

Persoalannya di sini, adakah rangka kerja kawal selia yang tertumpu terutamanya pada ambang setiap urus niaga secara individu mampu menangani kesan ekonomi terkumpul daripada beberapa urus niaga yang saling berkaitan?

Sesuatu urus niaga mungkin kelihatan tidak begitu besar jika dinilai secara berasingan. Namun, beberapa urus niaga sedemikian yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, boleh mengubah kedudukan kewangan, pendedahan risiko atau hala tuju perniagaan sesebuah syarikat dengan ketara.

Oleh itu, persoalannya bukanlah sekadar sama ada syarikat telah mematuhi peraturan. Persoalan yang lebih penting ialah sama ada peraturan tersebut benar-benar memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pemegang saham daripada risiko yang sepatutnya ditangani oleh peraturan berkenaan.

Bagaimanakah RPT Dikawal Selia di Malaysia pada Masa Ini

Di bawah Bab 10 Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, RPT tertakluk pada kewajipan kawal selia yang berbeza bergantung pada saiz dan sifat urus niaga berkenaan.

Secara umumnya, RPT yang mencapai nisbah peratusan 0.25% perlu diumumkan, tertakluk pada pengecualian yang ditetapkan. Apabila nisbah peratusan mencapai 5%, syarikat perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham serta melantik penasihat bebas bagi menilai urus niaga tersebut. Pihak berkaitan yang mempunyai kepentingan dalam urus niaga tersebut tidak dibenarkan mengundi untuk resolusi berkenaan.

Bagi RPT yang berskala lebih besar yang tidak berulang dan mencapai 25%, terdapat keperluan tambahan dikenakan, termasuk pelantikan penasihat utama yang diiktiraf. Peraturan juga membenarkan penggabungan urus niaga tertentu dalam tempoh 12 bulan bagi mengelakkan syarikat menghindari keperluan kawal selia dengan memecahkan urus niaga kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil.

Sementara itu, urus niaga pihak berkaitan yang berulang (RRPT), yang lazimnya melibatkan urus niaga hasil atau perdagangan yang diperlukan untuk operasi harian, tertakluk pada pendekatan yang berbeza. Syarikat boleh mendapatkan mandat am daripada pemegang saham untuk RRPT yang memenuhi syarat, sekali gus membolehkan urus niaga tersebut dilaksanakan tanpa perlu mendapatkan kelulusan berasingan untuk setiap urus niaga. Walau bagaimanapun, mandat tersebut perlu diperbaharui setiap tahun, dengan disertakan pendedahan maklumat serta langkah-langkah perlindungan lain.

Rangka kerja ini memainkan peranan penting. Ia mengiktiraf potensi konflik kepentingan yang timbul daripada RPT, di samping memberikan sedikit kelonggaran untuk urus niaga komersial biasa. Namun, adakah perbezaan semasa antara urus niaga berulang dengan urus niaga bukan berulang, berserta ambang kelulusan yang sedia ada, masih merupakan pendekatan yang paling berkesan?

Hong Kong Turut Membahaskan Isu Ini

Pada September 2026, HKEX menerbitkan Kertas Rundingan Kajian Daya Saing Rangka Kerja Penyenaraian (Fasa 2) *(Listing Framework Competitiveness Review (Phase 2) Consultation Paper*)[1], yang mencadangkan perubahan ketara terhadap rangka kerja kawal selia untuk urus niaga korporat.

Objektif yang dinyatakan adalah untuk meningkatkan daya saing dan daya tarikan pasaran penyenaraian Hong Kong di samping mengekalkan perlindungan pelabur yang sewajarnya. Cadangan tersebut termasuk menaikkan ambang untuk urus niaga utama yang memerlukan kelulusan pemegang saham, daripada 25% kepada 50%. Urus niaga yang berada dalam lingkungan ambang ini secara umumnya hanya perlu memenuhi keperluan pendedahan yang dipertingkatkan, tanpa memerlukan kelulusan pemegang saham.

HKEX turut mencadangkan supaya nisbah keuntungan digugurkan sebagai ukuran saiz urus niaga dan nisbah pertimbangan (consideration ratio) disemak semula dengan menggunakan nilai yang lebih tinggi antara permodalan pasaran dengan nilai aset bersih.

Untuk urus niaga pihak berkaitan atau *"connected transactions"* iaitu istilah yang digunakan di Hong Kong untuk urus niaga yang setara dengan RPT, satu cadangan penting ialah menaikkan ambang pegangan saham yang digunakan untuk mengenal pasti anak syarikat berkaitan, daripada 10% kepada 30%. Perubahan ini akan mengecualikan urus niaga tertentu daripada rejim kawal selia urus niaga pihak berkaitan secara berkesan apabila kepentingan pihak berkaitan dalam anak syarikat berkenaan berada di bawah ambang baharu ini, melainkan terdapat asas lain yang digunakan untuk mengklasifikasikannya.

Satu lagi cadangan akan membolehkan had tahunan untuk urus niaga pihak berkaitan berterusan yang memenuhi syarat dinyatakan sebagai peratusan daripada pendapatan atau item kewangan lain yang telah diaudit dan bukannya terhad kepada bentuk jumlah wang yang tetap.

[1] https://www.hkex.com.hk/-/media/HKEX-Market/News/Market-Consultations/2016-Present/September-2026-Competitiveness-Review-Phase2/Consultation-Paper/cp202609.pdf

HKEX turut mencadangkan pendedahan maklumat urus niaga yang dipertingkatkan bagi memberikan maklumat yang lebih baik kepada pemegang saham tentang penilaian, implikasi kewangan serta rasional dari sudut komersial di sebalik sesuatu urus niaga.

Penting untuk ditegaskan bahawa cadangan untuk menaikkan ambang urus niaga utama kepada 50% tidak menghapuskan keperluan mendapatkan kelulusan pemegang saham bebas untuk urus niaga pihak berkaitan. Kedua-dua rejim kawal selia ini perlu dibezakan.

Walau bagaimanapun, hala tuju yang lebih luas adalah jelas. HKEX sedang meneliti sama ada sesetengah keperluan kawal selia boleh dipermudah, dengan penekanan yang lebih besar diberikan kepada pendedahan maklumat, tanggungjawab lembaga pengarah serta pengawasan yang seimbang dengan tahap risiko. Ini merupakan perbincangan dasar yang penting dan wajar diberikan perhatian, bukan sahaja di Hong Kong, malah di Malaysia.

Aspek	Keperluan sedia ada	Perubahan yang Dicadangkan
Urus niaga utama	Kelulusan pemegang saham secara umumnya diperlukan apabila saiz urus niaga mencapai 25%.	Naikkan ambang kepada 50% untuk kebanyakan urus niaga. Untuk urus niaga antara 25% hingga 50%, kelulusan pemegang saham akan digantikan dengan keperluan pendedahan yang dipertingkatkan.
Nisbah keuntungan	Salah satu ujian kewangan yang digunakan bagi menentukan saiz urus niaga.	Hapuskan nisbah keuntungan bagi mengelakkan keperluan kawal selia yang tidak seimbang, yang mungkin wujud akibat keuntungan yang luar biasa rendah.
Nisbah balasan	Nilai balasan urus niaga dibandingkan dengan permodalan pasaran syarikat.	Gunakan nilai yang lebih tinggi antara permodalan pasaran dengan nilai aset bersih sebagai penyebut.
Anak syarikat berkaitan	Sesebuah anak syarikat boleh dianggap sebagai anak syarikat berkaitan apabila pihak berkaitan memegang sekurang-kurangnya 10% kuasa mengundi dalam anak syarikat tersebut.	Naikkan ambang kepada 30%, yang berpotensi mengecualikan urus niaga tertentu daripada rejim kawal selia urus niaga pihak berkaitan.
Urus niaga pihak berkaitan yang berterusan	Had urus niaga tahunan perlu dinyatakan dalam bentuk nilai wang.	Benarkan had tahunan yang memenuhi syarat dinyatakan sebagai peratusan daripada hasil atau item kewangan lain yang telah diaudit.
Pendedahan maklumat urus niaga	Keperluan sedia ada untuk pendedahan melalui pengumuman dan pekeliling.	Kukuhkan pendedahan mengenai rasional urus niaga, penilaian, maklumat kewangan dan kesan daripada urus niaga tersebut.

Adakah Lebih Baik Jika Kawal Selia Dikurangkan?

Cadangan HKEX mempunyai asas yang munasabah. Keperluan kawal selia melibatkan kos. Penyediaan pekeliling, pelantikan penasihat bebas serta penganjuran mesyuarat pemegang saham memerlukan masa serta sumber yang besar.

Untuk urus niaga yang dilaksanakan dalam urusan perniagaan yang biasa, keperluan ini kadangkala boleh menyebabkan kelewatan yang tidak sepatutnya berlaku, tanpa memberikan manfaat yang setimpal kepada pemegang saham.

Namun, terdapat juga sisi lain yang perlu dipertimbangkan.

Kelulusan pemegang saham bukan sekadar prosedur pentadbiran. Ia merupakan satu mekanisme perlindungan tadbir urus yang penting, khususnya apabila sesuatu urus niaga berpotensi melibatkan konflik kepentingan. Pendedahan maklumat memaklumkan pemegang saham tentang tindakan yang ingin diambil oleh syarikat. Kelulusan pemegang saham pula memberikan peluang kepada mereka untuk mempengaruhi keputusan sama ada urus niaga itu patut diteruskan atau tidak.

Kedua-duanya mempunyai tujuan yang berbeza. Persoalan tentang kebebasan lembaga pengarah juga perlu diberikan perhatian. Pergantungan yang lebih besar terhadap pengawasan lembaga pengarah mengandaikan bahawa pengarah bebas mempunyai kuasa dan kesediaan yang mencukupi untuk mencabar urus niaga yang melibatkan pemegang saham pengawal. Andaian ini tidak semestinya benar dalam semua keadaan, khususnya dalam pasaran yang mempunyai struktur pemilikan sangat tertumpu.

Malah, kadar kelulusan pemegang saham yang tinggi untuk urus niaga korporat tidak seharusnya secara automatik ditafsirkan sebagai bukti bahawa syarat untuk mendapatkan kelulusan sedemikian tidak diperlukan. Keperluan untuk mendapatkan kelulusan itu sendiri mungkin mendorong lembaga pengarah untuk berunding dengan lebih teliti serta menyusun urus niaga dengan lebih bertanggungjawab.

Dengan kata lain, syarat mendapatkan kelulusan pemegang saham mungkin mempunyai kesan pencegahan yang sukar untuk ditentukan. Oleh sebab itu, pembaharuan kawal selia tidak seharusnya sekadar menaikkan ambang atau mengurangkan syarat pematuhan. Persoalan yang lebih penting ialah adakah kita mengawal selia risiko yang tepat dengan cara yang betul?

Mungkin Kita Perlu Menilai Semula Pendekatan Ini Secara Menyeluruh

Daripada bertanya sama ada ambang RPT perlu dinaikkan atau diturunkan, mungkin kita perlu terlebih dahulu menilai semula cara menangani kategori RPT yang berbeza. Satu pendekatan yang wajar diterokai ialah membezakan dengan lebih jelas antara urus niaga komersial biasa dengan urus niaga luar biasa yang melibatkan pihak berkaitan.

Ambil contoh sebuah syarikat pembuatan tersenarai yang kerap membeli bahan mentah daripada sebuah perniagaan milik pemegang saham pengawalnya. Pembelian tersebut

diperlukan untuk operasinya, berlaku sepanjang tahun dan dilaksanakan mengikut terma komersial biasa.

Adakah pemegang saham perlu memperbaharui kelulusan mereka untuk urus niaga sedemikian setiap tahun, khususnya apabila pengaturan tersebut tidak banyak berubah? Bolehkah ia digantikan dengan alternatif lain yang lebih berkesan seperti pendedahan maklumat yang mantap, pengawasan oleh lembaga pengarah bebas, dasar penetapan harga yang telus serta semakan secara berkala?

Persoalan yang sama boleh diguna pakai untuk RPT yang bermula sebagai aturan komersial baharu tetapi jelas bertujuan untuk menjadi urus niaga yang berulang, seperti perjanjian pembekalan atau pengedaran dalam jangka panjang.

Jika urus niaga tersebut benar-benar merupakan sebahagian daripada operasi perniagaan biasa, mungkin ia boleh dikendalikan dengan cara yang serupa dengan RRPT sejak awal lagi, tertakluk pada kriteria kelayakan dan langkah perlindungan yang sewajarnya.

Di bawah pendekatan ini, RRPT yang memenuhi syarat serta RPT dalam urusan perniagaan biasa yang bertujuan menjadi urus niaga berulang boleh diteruskan tanpa perlu mendapatkan kelulusan rutin daripada pemegang saham. Pendekatan ini berbeza jika dibandingkan dengan mekanisme mandat tahunan pemegang saham yang diamalkan di Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun, pengiktirafan terhadap urus niaga tidak berulang akan berbeza sama sekali.

Sekiranya sesebuah syarikat tersenarai berhasrat untuk mengambil alih sesebuah perniagaan, melupuskan aset yang signifikan, memberikan bantuan kewangan yang besar atau melaksanakan urus niaga luar biasa lain yang melibatkan pihak berkaitan, kelulusan daripada pemegang saham bebas perlu dikekalkan sebagai perlindungan yang penting sebaik sahaja ambang materialiti yang ditetapkan dicapai.

Urus niaga sedemikian mungkin melibatkan penilaian yang kompleks, komitmen kewangan yang besar atau pemindahan nilai yang berpotensi tidak dapat dipulihkan.

Urus niaga seumpama ini juga lebih cenderung melibatkan keputusan yang boleh menyebabkan kepentingan syarikat bercanggah dengan kepentingan pihak yang berkaitan dengannya. Dalam keadaan sedemikian, pemegang saham perlu terus mempertahankan hak mereka untuk meneliti dan meluluskan sesuatu urus niaga sebelum ia diteruskan.

Prinsipnya mudah: keputusan komersial yang rutin tidak seharusnya dibebani dengan syarat yang tidak perlu, tetapi urus niaga penting yang melibatkan potensi konflik kepentingan perlu kekal tertakluk pada pengawasan oleh pemegang saham.

Langkah Perlindungan Mesti Dikekalkan

Tidak dinafikan, pendekatan sedemikian turut membawa risiko. Sesuatu urus niaga tidak seharusnya layak mendapat pengecualian semata-mata kerana pihak pengurusan menyifatkannya sebagai urus niaga berulang atau bercadang untuk mengulanginya.

Jika tidak, mungkin ada syarikat yang menyusun semula urus niaga luar biasa menjadi aturan yang berulang bagi mengelakkan syarat mendapatkan kelulusan pemegang saham. Kriteria kelayakan yang jelas perlu diwujudkan bagi membezakan antara urus niaga komersial biasa yang tulen, dengan pengaturan yang menimbulkan konflik kepentingan yang ketara.

Penetapan harga perlulah dibuktikan secara adil dan boleh dijustifikasi dari sudut komersial. Jawatankuasa Audit perlu memantau urus niaga tersebut secara aktif, termasuk nilai terkumpulnya serta tahap pergantungan syarikat terhadap pihak berkaitan. Pendedahan maklumat yang lebih terperinci juga diperlukan, terutamanya apabila volum urus niaga atau aturan penetapan harga mengalami perubahan yang ketara.

Penting untuk ditegaskan bahawa, mekanisme yang mewajibkan kelulusan daripada pemegang saham bebas perlu diwujudkan sekiranya sesuatu aturan berulang, yang pada asalnya memenuhi syarat mendapat pengecualian, tiba-tiba menjadi luar biasa besar, berubah sifatnya secara drastik atau menimbulkan risiko pemindahan nilai yang lebih tinggi.

Kesan terkumpul daripada urus niaga yang melibatkan pihak berkaitan yang sama juga perlu dipertimbangkan, termasuk pengaturan yang melangkaui lebih dari satu tahun kewangan. Matlamatnya bukanlah untuk menghapuskan langkah perlindungan, sebaliknya untuk menumpukan perhatian pengawal selia kepada urus niaga yang membawa risiko terbesar kepada pemegang saham minoriti.

Pendekatan sebegini memerlukan kajian yang teliti. Ambang materialiti yang sesuai, syarat kelayakan serta mekanisme pengawasan semuanya memerlukan pertimbangan lanjut. Mungkin wajar juga diteliti sama ada kategori urus niaga tertentu perlu tertakluk kepada syarat yang lebih ketat tanpa mengira saiz atau kekerapan urus niaga tersebut.

Persoalan ini tidak mempunyai jawapan yang mudah. Sebab itulah ia memerlukan perbincangan yang lebih meluas.

Sudah Tiba Masanya untuk Memulakan Perbincangan

Proses rundingan di Hong Kong tidak seharusnya dianggap sebagai model yang siap diguna pakai untuk Malaysia. Pasaran kita mempunyai ciri-ciri tersendiri, termasuk kewujudan syarikat yang dikawal oleh keluarga dan mempunyai struktur pemilikan tertumpu dalam jumlah yang ketara. Keberkesanan sebarang pembaharuan kawal selia perlu dinilai berdasarkan realiti ini.

Walau bagaimanapun, HKEX telah membangkitkan satu persoalan penting: bolehkah peraturan urus niaga dijadikan lebih cekap tanpa menjejaskan perlindungan pelabur? Malaysia juga perlu mengemukakan persoalan yang sama.

Mungkin sudah tiba masanya untuk Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, syarikat tersenarai, pelabur institusi, penasihat korporat, profesional tadbir urus dan MSWG untuk duduk bersama bagi membincangkan secara khusus hala tuju kawal selia RPT pada masa hadapan.

Siri perbincangan meja bulat industri atau proses rundingan yang memfokuskan isu ini boleh menjadi platform yang berguna bagi meneliti kekuatan dan kelemahan rangka kerja yang sedia ada, mempertimbangkan perkembangan antarabangsa serta meneroka pendekatan alternatif.

Cadangan untuk membezakan antara RPT komersial rutin dengan RPT material yang tidak berulang boleh dijadikan salah satu titik permulaan perbincangan tersebut. Idea ini perlu diuji, dicabar dan dihalusi dan bukannya dikemukakan sebagai penyelesaian muktamad.

Pendekatan lain juga boleh diterokai, termasuk penilaian yang lebih menyeluruh terhadap urus niaga terkumpul, ambang materialiti yang berbeza mengikut kategori serta pengawasan bebas yang lebih berkesan. Pada akhirnya, tujuan pengawal selia bukanlah untuk menambah prosedur semata-mata. Matlamatnya adalah untuk melindungi pelabur, menggalakkan urus niaga yang adil, di samping mengekalkan keyakinan terhadap pasaran modal.

Jika sesetengah keperluan itu hanya menambah kos tanpa memberikan peningkatan yang bermakna terhadap perlindungan pemegang saham, kita perlu bersedia untuk menilainya semula. Begitu juga, jika peraturan sedia ada membenarkan pendedahan ekonomi yang ketara berlaku tanpa penelitian yang sewajarnya, kita perlu bersedia untuk memperkukuh peraturan tersebut.

Cabaran sebenar adalah untuk keseimbangan yang tepat. Hong Kong telah memulakan perbincangan tentang peraturan urus niaganya. Mungkin sudah tiba masanya Malaysia memulakan perbincangannya sendiri.

Lagipun, persoalannya bukanlah sama ada kita memerlukan peraturan yang lebih banyak atau lebih sedikit tetapi sama ada kita mempunyai peraturan yang tepat.

[TAMAT]









PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.